

# Konvokesyen KUIPSAS guna tulisan Jawi

Utusan

4/9/2019

Oleh MOHAMAD  
SHOFI MAT ISA  
pengarang@utusan.com.my

**K**UANTAN 3 Sept. - Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Konvokesyen Ke-18 Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah di sini hari ini menarik perhatian apabila menggunakan tulisan Jawi sepenuhnya dalam semua bahan cetakan dan edaran sepanjang majlis berlangsung.

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) KUIPSAS, Dr. Asmadi Abdul Rahman berkata, langkah itu julung kali dilakukan sejak KUIPSAS mengadakan istiadat konvo-



"Penggunaan tulisan Jawi seperti di istiadat konvokesyen ini dilihat mampu menaikkan semula maruahnya dan mendedahkan penggunaannya kepada orang ramai."

ASMADI ABDUL RAHMAN

kesyen pada 1999.

Kata beliau, ia merupakan usaha berterusan dilakukan pihaknya selepas menjadi Pusat Rujukan Tulisan Jawi negeri ini.

"Penggunaan tulisan Jawi seperti di istiadat konvokesyen ini dilihat mampu menaikkan semula maruahnya dan mendedahkan penggunaannya kepada orang ramai.

"Selain itu, usaha ini dapat meningkatkan kesedaran umum mengenai kepentingan mempertahankan tulisan Jawi dalam kalangan anggota masyarakat," katanya ketika

ditemui selepas istiadat berkenaan.

Asmadi yang juga Munsyi Dewan Jawi Pahang berkata, sebagai Pusat Rujukan Tulisan Jawi negeri, kolej universiti itu perlu mengorak langkah bagi memartabatkan tulisan berkenaan.

"In sya-Allah dalam istiadat konvokesyen KUIPSAS

yang akan diadakan selepas ini, kita meneruskan penggunaan tulisan Jawi," ujarnya.

Dalam pada itu, KUIPSAS telah meminta pihak yang ingin mengadakan program di kolej universiti berkenaan supaya turut menggunakan tulisan Jawi.

"Kita juga dalam proses menulis sebagai contoh, jawatan rektor di KUIPSAS dalam tulisan Jawi dan Arab. Sejak dua tahun lalu kita telah memperkenalkan subjek Jawi yang wajib diambil dan wajib lulus oleh penuntut di sini," katanya.

DALAM  
MAHKAMAH  
TINGGI MALAYA  
DI IPOH DALAM  
NEGERI PERAK  
DARUL RIDZUAN  
 PENGGULUNGAN  
SYARIKAT NO.:  
AA-28NCC-49-05 /